

**D.R. 23/2022**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

**1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Levi Kenderaan Barang-Barang (Pindaan) 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Seksyen baharu 7A dan 7B**

**2.** Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983 [*Akta 294*] dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 7 seksyen yang berikut:

**“Kuasa untuk melanjutkan tempoh**

**7A.** Jika, melalui Akta ini, suatu tempoh dinyatakan yang dalamnya sesuatu perbuatan atau benda hendaklah dilakukan oleh seseorang, dan Menteri berpuas hati bahawa perbuatan atau

benda itu tidak dapat disempurnakan dalam tempoh itu disebabkan oleh berlakunya kecemasan awam atau krisis kesihatan awam, Menteri boleh, mengikut terma dan syarat yang difikirkannya patut, melanjutkan tempoh untuk menyempurnakan perbuatan atau benda itu sebelum habis tempoh itu.

### **Kuasa untuk mengubah suai terma dan syarat**

**7B.** (1) Jika terma dan syarat dikenakan menurut Akta ini, Menteri boleh, atas nasihat Ketua Pengarah, dari semasa ke semasa mengubah suai terma dan syarat bagi maksud melaksanakan tujuan Akta ini.

(2) Sebelum mengubah suai terma dan syarat, notis hendaklah diberikan kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat itu menyatakan—

- (a) terma dan syarat sebagaimana diubah suai; dan
- (b) tarikh terma dan syarat sebagaimana diubah suai itu berkuat kuasa.

(3) Terma dan syarat yang diubah suai tidak boleh berkuat kuasa kurang daripada empat belas hari dari tarikh notis di bawah subseksyen (2) dikeluarkan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “ubah suai” ertiya tambah, potong atau ubah.”.

### **HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Levi Kenderaan Barang-Barang 1983 (“Akta 294”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 7A dan 7B ke dalam Akta 294.

Seksyen 7A yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk melanjutkan tempoh untuk melakukan sesuatu perbuatan atau benda yang perlu disempurnakan dalam tempoh tertentu di bawah Akta 294 sekiranya dia berpuas hati bahawa perbuatan atau benda itu tidak dapat disempurnakan dalam tempoh itu disebabkan oleh berlakunya apa-apa kecemasan awam atau krisis kesihatan awam.

Seksyen 7B yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menambah, memotong atau mengubah apa-apa terma dan syarat yang dikenakan menurut Akta 294 bagi maksud melaksanakan tujuan Akta 294, dengan syarat bahawa notis munasabah diberikan kepada orang yang terikat dengan terma dan syarat itu.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(PU)3285]